

BAB SATU

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian terhadap strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di negara ini masih baru dan sedikit. Jika ada pun, ia lebih tertumpu kepada kaedah pengajaran guru di dalam kemahiran berbahasa yang tertentu, seperti kaedah mengajar menulis dan membaca. Pemilihan dan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar yang memaparkan bagaimana cara pelajar mempelajari bahasa Arab dari sudut memori, kognitif, pampasan (mencari gantirugi bagi mengatasi masalah yang dihadapi), metakognitif, afektif dan sosial belum dibuat kajian secara ilmiah.

Melahirkan insan yang seimbang dan harmonis serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadau dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani adalah merupakan cita-cita murni dan unggul sistem pendidikan negara yang dinyatakan dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Negara. Untuk merealisasikan cita-cita murni ini, potensi minda pelajar perlu dikembangkan ke tahap yang optimum.

Salah satu potensi yang perlu dikembangkan di kalangan pelajar ialah kecekapan berbahasa kerana bahasa ialah alat untuk menyampaikan fikiran dan perasaan kepada orang lain. Untuk membuktikan keterampilan intelek, kemantapan rohani, cetusan emosi dan memenuhi keperluan jasmani, seseorang individu perlu menterjemahkan apa yang difikirkan dan dialaminya ke dalam bentuk bahasa untuk difahami oleh orang lain.

Bahasa Arab ialah bahasa yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kelas Aliran Agama (CAA). Malahan, lulus dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam Penilaian Menengah Rendah sekurang-kurangnya pencapaian “C” adalah menjadi syarat utama kelayakan penerimaan masuk pelajar ke SMKA.

Pelajar tingkatan 4 dan 5 di SMKA di semua aliran akademik diwajibkan mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi. Lulus dengan cemerlang dalam mata pelajaran ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan tiket untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam berbagai bidang jurusan samada di dalam atau pun di luar negara.

Belajar sekadar menimba ilmu dan mempelajari tentang fakta dan prinsip bahasa semata-mata tidak memadai. Secara tradisinya, pelajar bahasa Arab dibebankan dengan tugas menghafal kaedah sintaksis, morfologi, retorik dan teks sastera Arab. Matlamat pembelajaran bahasa Arab hanya dikaitkan dengan motif keagamaan iaitu untuk memahami al-Qur'an al-Karim dan memudahkan perlaksanaan ibadah seperti bacaan sembahyang serta amalan membaca wirid dan doa semasa menunaikan haji.

Selari dengan perubahan arus globalisasi pendidikan, pembelajaran bahasa harus dilihat sebagai memberi kesempatan kepada pelajar untuk menghayati dan menggunakan bahasa dari pelbagai sudut yang berbeza. Pelajar perlu menjadi peserta yang aktif dalam aktiviti pengalaman berbahasa dan bijak mengadunkan kemahiran berbahasa dalam menerangkan fenomena yang berlaku di sekelilingnya.

Pelajar harus didedahkan dengan strategi pembelajaran bahasa. Kreativiti mereka perlu dipupuk supaya bijak mengubahsuai gaya pembelajaran mengikut keperluan dan perkembangan tahap penguasaan. Justeru, pembelajaran bahasa akan lebih berkesan, lebih menyeronokkan dan mampu mengembangkan potensi minda dan kecekapan berbahasa pelajar bagi menyahut cabaran masa kini.

Sehubungan dengan ini, kajian secara ilmiah perlu dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar semasa mempelajari bahasa Arab dan bentuk strategi pembelajaran bahasa Arab yang perlu diaplikasi untuk meningkatkan prestasi pencapaian dan kecekapan pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di peringkat sekolah menengah masih jauh ketinggalan. Walaupun peratus lulus secara keseluruhan agak tinggi, bilangan pelajar yang mendapat skor A masih belum boleh dibanggakan. Menurut Syed Omar Assagaf et al (1997) dalam Khadijah Hj. Yaakub (1999: 12), satu kajian oleh Pusat Bahasa UiTM mendapati pelajar-pelajar yang berjaya mendapat markah cemerlang dalam PMR tidak menunjukkan kekuatan yang menyerlah dalam penggunaan bahasa tersebut untuk pertuturan mereka sehari-hari.

Kajian yang dilakukan oleh Abd.Ghani Jalil (1993) mendapati kelemahan menguasai bahasa Arab di kalangan pelajar berpunca dari tiada kursus dan latihan pengajaran bahasa Arab menggunakan kaedah terkini, pelajar merasakan bahasa Arab kurang diperlukan dan pelajar tidak beminat mempelajari bahasa Arab.

Rumusan kajian yang dilakukan oleh Dr. Sharifah et al (1993) mendapati, bilangan guru yang memiliki ijazah dalam pengkhususan bahasa Arab juga masih kurang. Malah, dari kalangan mereka ini pun, hanya sebilangan sahaja yang mampu berinteraksi sepenuhnya dalam bahasa Arab, baik secara lisan atau penulisan. Maka tenaga pengajar dari bidang pengajian Islam terpaksa digunakan untuk mengajar bahasa Arab bagi menampung kekurangan ini.

Malangnya, penggunaan bahasa ibunda berleluasa semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Sohair (1990) mendapati ramai guru menggunakan bahasa ibunda dan terlalu menekankan kaeadah nahu ketika mengajar. Bahasa Arab dipandang hanya sebagai bahasa yang dipelajari dari buku dan kamus serta cukup sekadar untuk lulus ketika menghadapi peperiksaan.

Berdasarkan pengalaman penulis mengajar bahasa Arab selama 8 tahun di sekolah menengah, pelajar didapati tidak tahu bagaimana hendak mengulangkaji mata pelajaran bahasa Arab selepas waktu persekolahan. Mereka hanya bergantung kepada pengajaran, bahan dan input dari guru semata-mata. Bahasa Arab hanya wujud di hujung lidah guru secara terjemahan ke dalam bahasa Melayu di dalam kelas bahasa Arab manakala pelajar hanya berperanan menghadiri kelas, mendengar pengajaran guru dan memindahkan pengetahuan dan fakta bahasa Arab kepada hafalan atau catatan dan latihan di buku sahaja.

Pelajar tidak berpeluang menggarap kemahiran berbahasa Arab di dalam kelas dan tidak menyedari bahawa bahasa Arab boleh digunakan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Malah, masih ramai yang tidak memahami ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab yang sering dilafazkan ketika bersembahyang dan berdo'a.

Kelemahan ini berlanjutan ketika mereka melangkah ke menara gading. Kebanyakan mereka juga tidak mampu memahami wacana dan sumber rujukan ilmiah dalam bahasa Arab. Matlamat pelajar-beragama Islam belajar bahasa Arab ialah untuk memahami al-Qur'an. Namun, ketika membuat rujukan ilmiah, mereka lebih selesa mencari terjemahan tafsir Al-Qur'an dan Al-Hadith serta terjemahan kitab dan hasil karya penulisan ulama' Islam terdahulu tanpa merujuk teks asal dalam bahasa Arab. Gejala ini menimbulkan kebimbangan sekiranya mereka mengambil jalan mudah mengupas sendiri ayat Al-Qur'an mengikut kefahaman ringkas dari terjemahannya.

Masyarakat dapat menilai kelemahan penggunaan bahasa Arab yang sangat ketara di kalangan pelajar Melayu yang masih gagal berkomunikasi menggunakan bahasa Arab secara lisan dan penulisan dalam interaksi harian samada bersama guru di dalam kelas atau sesama pelajar yang belajar bahasa Arab di sekolah atau di mana-mana saja ketika mereka bertemu.

Pelajar merasa malu, tidak yakin dan rendah diri dan sukar untuk melafazkan ucapan-ucapan harian yang mudah seperti ucapan sapaan, ucapan selamat dan penghargaan apatah lagi mengungkap luahan perasaan, idea dan buah fikiran dalam bahasa Arab. Terdapat juga pelajar yang faham struktur nahu dan ayat bahasa Arab tetapi gagal menyampaikan mesej yang mudah dengan tepat dan sesuai konteksnya dalam bahasa Arab. Selain kekurangan perbendaharaan kata, pelajar juga belum bolah menyusun ayat yang lengkap dan ramai yang tidak memahami maksud soalan dalam latihan dan peperiksaan.

Kelemahan-kelemahan tersebut menyebabkan pelajar menjadi pasif kerana minat dan kesungguhan untuk terus mempelajari bahasa Arab terjejas. Pembelajaran bahasa Arab dianggap sukar, membebankan dan tidak menguntungkan. Mereka tidak nampak kepentingan belajar bahasa Arab untuk kegunaan harian atau keperluan profesion di masa akan datang. Akhirnya, pelajar yang kecewa ini mengabaikan pembelajaran bahasa Arab dan mencari berbagai alasan untuk mengelak dari mencebur ke dalam bidang yang memerlukan kemahiran berbahasa Arab.

Penulis akan cuba meneliti masalah ini dengan mengenalpasti masalah pembelajaran yang dialami pelajar, mengkaji perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar dan kesannya terhadap motivasi dan pencapaian pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Masih terdapat tanggapan yang menyatakan bahawa bahasa Arab itu adalah satu ilmu yang susah untuk dipelajari. Seorang guru pastinya menghadapi masalah yang rumit dalam usaha menyampaikan maklumat kepada pelajar jika tanggapan yang terpahat di dalam pikiran pelajar ialah:

- i- Bahasa Arab susah.
- ii- Kami tidak minat belajar bahasa Arab.
- iii- Kami tidak faham apa yang guru ajar.
- iv- Kami tidak tahu cara hendak mengulangkaji mata pelajaran bahasa Arab.
- v- Kami rasa bosan dan mengantuk semasa belajar bahasa Arab
- vi- Kami tertekan kerana terlalu banyak kaedah yang perlu dihafal.
- vii-Kami tidak yakin boleh lulus periksa.

viii- Bahasa Arab tidak menjamin untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.

ix- Kalau boleh, kami tidak mahu ambil mata pelajaran bahasa Arab.

Tanggapan bahawa bahasa Arab susah untuk dipelajari sering dilahirkan dalam bentuk keluhan dan rungutan pelajar. Ia boleh dianggap sebagai masalah warisan yang telah berakar umbi dalam pemikiran pelajar daripada satu generasi ke satu generasi hingga menyebabkan segelintir guru sendiri mati akal dan mengaku kalah.

Jika pelajar gagal, telunjuk mudah ditunding menyalahkan pelbagai pihak. Maka timbulah dakwaan guru tidak pandai mengajar, pelajar degil dan malas atau ibu bapa suka memaksa dan menekan anak.

Pelajar yang lahir dari aliran bahasa Arab juga sering dipandang rendah, tidak produktif, peribadinya tiada keterampilan, tidak pandai berkomunikasi dengan masyarakat, hanya layak berhujah dalam bidang agama dan jauh dari personaliti yang serba boleh, pragmatik dan kritis.

Jika dimbas kembali senario rutin di kelas bahasa Arab yang membosankan memang benarlah ia adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ini. Secara tradisinya setiap kali guru masuk ke kelas, beliau akan meminta pelajar membuka buku di halaman tertentu, membaca petikan, menterjemah, berceramah tentang kaedah nahu dan saraf bahasa Arab, tiada alat bantu mengajar digunakan, pelajar hanya mendengar dan tidak terlibat dengan aktiviti, perbincangan atau penyelesaian masalah. Sesi pengajaran dan pembelajaran dipenuhi dengan syarahan dan menyalin nota serta diakhiri dengan guru memberi arahan kepada pelajar supaya menyiapkan latihan menulis karangan atau menghafal kaedah nahu atau saraf.

Justeru, penulis berusaha mengkaji strategi pembelajaran bahasa Arab dari pelbagai sudut supaya diharapkan dapat menyumbang kepada perlaksanaan gaya pembelajaran bahasa Arab yang lebih menarik, berkesan dan praktikal serta sesuai dengan perkembangan pendidikan alaf baru ini.

Para pelajar sangat perlu didedahkan kepada strategi pembelajaran bahasa Arab untuk menghasilkan kejayaan yang lebih cemerlang. Mereka tidak seharusnya bergantung seratus-peratus kepada pengajaran guru di dalam bilik darjah kerana waktu yang diperuntukkan sangat terhad. Pelajar juga mengalami dilema antara keinginan untuk memperkayakan diri dengan kemahiran yang belum dapat dikuasai sepenuhnya dengan desakan guru yang terkejar-kejar untuk menghabiskan sukanan pelajaran tahunan bagi persediaan menghadapi tarikh peperiksaan.

Penulis cuba memaparkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab yang akan membentuk peribadi pelajar yang tidak hanya mampu berdikari tetapi juga kreatif dan inovatif supaya berupaya mengatasi masalah kekurangan sumber rujukan dalam bahasa Arab dengan kebijaksanaan memanipulasi persekitaran, rakan, model dan maklumat terdahulu yang berada di sekelilingnya.

Warga pendidik akan kelihatan lebih professional dan dihormati. Guru bukan sahaja mengajar tetapi turut berperanan menjadi fasilitator yang membimbang pelajar merancang, menyusun dan menilai pembelajaran mereka.

Berpandukan enam jenis strategi pembelajaran bahasa Arab yang dipaparkan, penulis berharap kajian ini akan dapat membuka lembaran baru untuk mempraktikkan pembelajaran bahasa Arab yang lebih berkesan di kalangan pelajar di samping

berkemampuan mengatasi rintangan yang dihadapi semasa mempelajari bahasa Arab. Akhirnya kajian ini diharap dapat mengemukakan pendekatan baru dalam dunia pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- 1.4.1 mengenalpasti masalah yang dialami pelajar semasa mempelajari bahasa Arab

Pelajar yang lemah dalam menguasai bahasa Arab dan gagal di dalam peperiksaan sering merungut bahawa bahasa Arab susah dipelajari dan mempelajarinya dianggap membebankan, membosankan dan faedahnya terhad. Adakah fakta ini benar atau hanyalah alasan mereka? Penulis berusaha mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi pelajar semasa mempelajari bahasa Arab dan seterusnya mencadangkan penyelesaiannya.

- 1.4.2 melihat perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di dalam bilik darjah

Penulis membuat pemerhatian dan soal selidik ke atas perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan subjek eksperimen semasa mempelajari bahasa Arab di dalam kelas untuk mengkaji perbezaan situasi subjek yang melaksanakan strategi dengan subjek kawalan yang tidak melaksanakan strategi tersebut dari aspek persepsi, minat dan keyakinan untuk mempelajari bahasa Arab.

- 1.4.3 melihat kesan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab terhadap minat dan pencapaian pelajar

Maklumat dikumpul dan dianalisa secara statistik untuk menyatakan kesan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab ke atas minat dan pencapaian subjek dari kedua-dua kumpulan eksperimen serta memaparkan perbezaannya dengan subjek dari kumpulan kawalan.

1.5 Soalan-soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab antara kumpulan eksperimen A, kumpulan eksperimen B dan kumpulan kawalan?
- 1.5.2 Apakah strategi yang paling kerap digunakan pelajar ketika belajar bahasa Arab?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di antara kumpulan eksperimen A dan kumpulan eksperimen B?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan pencapaian pelajar antara kedua-dua kumpulan eksperimen yang mengaplikasi strategi pembelajaran bahasa Arab dengan kumpulan kawalan yang tidak didedahkan dengan strategi pembelajaran bahasa Arab?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan dari segi minat terhadap pembelajaran bahasa Arab antara kedua-dua kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap strategi pembelajaran bahasa Arab ini amat penting untuk melahirkan pelajar yang memiliki kecekapan berbahasa dengan:

- 1.6.1 membantu mewujudkan corak pembelajaran bahasa Arab yang lebih teratur, aktif, kreatif dan menyeronokkan yang dipercayai akan memberi kesan positif terhadap minat dan pencapaian pelajar.
- 1.6.2 memberi alternatif kepada pelajar untuk memilih cara pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan tahap dan keperluan individu.
- 1.6.3 meningkatkan minat dan keyakinan pelajar untuk belajar secara berkelompok menerusi pendekatan “berpusatkan pelajar”.
- 1.6.4 membantu guru memahami perubahan peranannya sebagai fasilitator yang memberi peluang kepada pelajar menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab yang berbeza-beza.
- 1.6.5 membantu pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan mengenalpasti bahan dan keperluan yang wajar disediakan untuk melancarkan proses pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah.

1.7 Batasan Kajian

1.7.1 Subjek

Penulis memilih 90 orang pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor. Subjek telah lulus mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dengan baik dalam peperiksaan PMR pada tahun sebelumnya dan dianggap telah memiliki asas bahasa Arab. Kini subjek mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi.

1.7.2 Bidang Kajian

Tumpuan kajian terbatas kepada pemilihan bentuk strategi pembelajaran bahasa Arab dan perlaksanaannya oleh kedua-dua kumpulan eksperimen dan perbandingan kesannya dari sudut minat dan pencapaian peperiksaan di antara kedua-dua kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

1.8 Metodologi Kajian

1.8.1 Pemilihan Subjek:

Seramai 30 orang pelajar dipilih secara rawak dari 3 kumpulan pelajar yang berbeza menjadikan jumlah semuanya ialah 90 orang. Kumpulan – kumpulan tersebut ialah:

- i) Kumpulan Eksperimen A
- ii) Kumpulan Eksperimen B
- iii) Kumpulan Kawalan

1.8.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan datanya. Penulis mengumpulkan sendiri data primer secara:

i) soal selidik:

- a) Bahagian 1: Pengumpulan maklumat biodata subjek
- b) Bahagian 2: Tinjauan situasi pembelajaran dan persepsi subjek
- c) Bahagian 3: Tinjauan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa yang diadaptasi dari SILL Versi 7.0 susunan Rebecca L. Oxford pada tahun 1989 (Oxford, 1990: 293).

ii) ujian bertulis:

- a) Ujian pra-eksperimen (dilakukan sebelum kajian)
- b) Ujian pos-eksperimen (dilakukan di akhir kajian)

iii) pemerhatian ke atas perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab dikalangan subjek semasa sesi pembelajaran di dalam kelas

Data sekunder berupa teori dan fakta pula diperolehi berdasarkan kajian perpustakaan, tinjauan hasil kajian terdahulu, pandangan dan bimbingan daripada penyelia kajian di samping memanfaatkan nasihat beberapa orang ahli akademik mengikut kepakaran masing-masing yang berkaitan dengan kajian ini.

1.8.3 Kaedah Analisis Data

Penulis menggunakan perisian “*The Statistical Package For The Social Sciences*” (SPSS Versi 10.0) untuk menganalisa secara statistik data yang diperolehi dari kajian lapangan yang dijalankan. Kaedah lain yang akan digunakan ialah min, frekuensi dan peratusan.

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama membincangkan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan metodologi kajian.

Bab kedua pula menjelaskan definisi istilah utama kajian iaitu strategi, pembelajaran dan bahasa, kupasan mendalam tentang fokus kajian iaitu strategi pembelajaran bahasa, paparan bagaimana strategi pembelajaran bahasa merentas KBSM, perkembangan kurikulum bahasa Arab di Malaysia dan tinjauan kajian berkaitan.

Penulis menghuraikan metodoloji kajian dalam bab ketiga. Ia merangkumi rekabentuk kajian, pembolehubah kajian, pemilihan subjek, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, analisis data dan keesahan serta kebolehpercayaan.

Seterusnya, data dan maklumat yang dikumpulkan sepanjang kajian dianalisis dalam bab ketiga. Dapatan kajian seperti biodata subjek, situasi subjek di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab, masalah pelajar semasa mempelajari bahasa Arab, perbezaan kekerapan dan menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab, perbezaan

pemilihan bentuk strategi pembelajaran bahasa Arab dan pencapaian subjek dalam ujian bertulis pra dan pos diuraikan secara terperinci dan diperjelaskan dengan paparan jadual dan rajah berkaitan.

Akhirnya, penulis mempersebahkan perbincangan dan rumusan terhadap dapatan kajian, saranan bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar dan cadangan untuk kajian akan datang. Semua ini dimuatkan dalam bab kelima yang merupakan penutup kajian ini.

1.10 Penutup

Bab ini telah membentangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang membuktikan kepentingan kajian ilmiah terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar. Ia dianggap sebagai rangka asas yang memandu penulis sepanjang melaksanakan kajian ini.